

U GB 05-10 00156 ma99

aab

GUGUR TUNTUTAN DAPAT BANTU BAIKI HUBUNGAN MALAYSIA-FILIPINA

Mahathir - Filipina

Dari Amer Hamzah Md Say

BANDAR SERI BEGAWAN, 5 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata langkah Filipina untuk menggugurkan tuntutannya ke atas Sabah akan dapat membantu memperbaiki hubungan antara Malaysia dan negara itu menjadi seperti sedia-kala.

Perdana Menteri berkata, beliau telah berbincang dengan Presiden Filipina, Fidel Ramos; mengenai cara-cara untuk memperbaiki hubungan antara kedua-dua buah negara.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengunjungi Fidel Ramos di tempat penempatan mereka di Kompleks Rumah Tetamu Assara di sini.

Beliau juga telah dikunjungi oleh Perdana Menteri baru Thailand, Chuan Leekpai. Dr Mahathir tiba di sini Sabtu lepas untuk menghadiri sambutan Perayaan Jubli Perak Sultan Brunei menaiki takhta.

Dr Mahathir berkata beliau tidak mendapat sebarang persetujuan yang kukuh tetapi kedua-dua negara akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut. -- Lagi.

▼05/10/19-51MST

U GB 05-10 00155 BA900

a a b

Mahathir - Filipina 2 Bandar Seri Begawan .

+Tidak ada apa-apa butiran yang kita bincang... kita tidak bincang secara atau tidak... tetapi untuk mencari jalan menyelesaikan masalah i tu. Untuk memperbaiki (perhubungan antar kedua-dua buah negara) .+

Menyentuh langkah seterusnya yang perlu diambil oleh Malaysia, Perdana Menteri berkata Malaysia harus mengekalkan hubungan yang sedia ada. Malaysia mesti sentiasa mengekalkan harapan dan tidak mudah merasa kecewa tetapi langkah pertama untuk menuju ke arah itu ialah (Filipina) perlu mengugurkan tuntutannya ke atas Sabah, katanya.

Beliau berkata kunjungannya terhadap Ramos dan pertemuannya dengan Chuan merupakan sambungan tradisi di kalangan pemimpin-pemimpin negara ASEAN.

Menurutnya, beliau juga tidak membincangkan tajuk-tajuk tertentu dengan Perdana Menteri Thailand itu.

Apabila ditanya mengenai kemungkinan para pemimpin ASEAN mengambil kesempatan untuk mengadakan perjumpaan serentak ketika berada di sini, beliau berkata, langkah i tu tidak perlu kerana kini tiada perkembangan mendesak yang perlu dibincangkan. -- Bernama .